

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 OGOS 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/08/1285080/diskaun-saman-trafik-harga-barang-keperluan-pada-program-madani>

### Diskaun saman trafik, harga barang keperluan pada Program MADANI Rakyat Zon Selatan 2024



Peta tunjuk arah dan maklumat bagi memudahkan pengunjung Program MADANI Rakyat Zon Selatan 2024 di Dataran Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai. - BERNAMA

JOHOR BAHRU: Program MADANI Rakyat Zon Selatan 2024 yang berlangsung di Dataran UTM, Skudai, membuka tirai hari ini, menyasarkan lebih 100,000 pengunjung.

Program merangkumi Johor, Negeri Sembilan dan Melaka itu menawarkan pelbagai perkhidmatan terus kepada rakyat melalui penyertaan 34 kementerian serta agensi kerajaan dan negeri, dengan 175 perkhidmatan langsung tersedia sepanjang program.

Seperti program MADANI Rakyat di zon utara, pantai timur dan tengah, inisiatif sama di di zon selatan turut menyediakan khidmat pembayaran saman trafik Polis Diraja Malaysia

(PDRM) dengan diskaun sehingga 50 peratus dan penukaran topi keledar serta al-Quran lama.

Pengunjung juga boleh menikmati Jualan MADANI yang menawarkan potongan harga barang keperluan harian dengan penyertaan 136 usahawan dalam pelbagai segmen jualan seperti Jualan Rahmah, Agro, Koperasi, Usahawan, Santapan Selatan dan Food Truck.

Program juga menyediakan pelbagai aktiviti luar untuk semua peringkat umur, termasuk perkhidmatan kesihatan, pengagihan benih pokok, padanan perniagaan, zoo haiwan jinak dan menunggang kuda.

Selain itu, pertandingan memancing, pertandingan e-sukan, pertandingan kereta kawalan jauh (RC) dan fun run sejauh lima kilometer.

Pengunjung juga berpeluang untuk memenangi hadiah cabutan bertuah di reruai kementerian, menyaksikan demonstrasi kraf, persembahan kebudayaan serta pameran aset kerajaan daripada empat agensi.

Selain itu, Karnival Kerjaya MyFuture Jobs turut menawarkan 2,125 kekosongan jawatan daripada 21 majikan.

Program MADANI Rakyat Zon Selatan kali ini memberi tumpuan kepada lapan bidang utama, termasuk Ekonomi MADANI, kesejahteraan rakyat, agenda perpaduan, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta pertanian dan keterjaminan makanan.

Selain itu, karnival kerjaya serta pameran dan perkhidmatan pendidikan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM) dan Kecerdasan Buatan (AI).

Kemuncak program adalah majlis penutup yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 17 Ogos.

Program MADANI Rakyat 2024 Zon Selatan dianjurkan oleh Pejabat Perdana Menteri melalui Unit Penyelaraslon Lonjakan Prestasi (PACU), dengan kerjasama strategik Kementerian Ekonomi dan kerajaan Johor.

Kesinambungan Program Setahun Kerajaan MADANI yang diadakan di Stadium Nasional Bukit Jalil pada Disember 2023, ia memberi peluang masyarakat setempat memahami dasar dan inisiatif kerajaan dalam memperkasa rakyat, usahawan serta industri sejak setahun pelaksanaannya.

Dengan pelbagai aktiviti, perkhidmatan dan peluang yang ditawarkan, program ini dijangka terus menjadi tarikan utama untuk rakyat di zon selatan dan sekitarnya, sekali gus memperkuuh komitmen kerajaan dalam melaksanakan agenda MADANI.